Rev. No.: 0
Date: 24.6.2022

**BOARD OF ENGINEERS MALAYSIA**

---

**CIRCULAR NO. 012**

---

# EXEMPTION OF BUSINESS PREMISE LICENCE FOR ENGINEERING CONSULTANCY PRACTICE (ECP)

In exercise of the powers conferred by paragraph 4(1)*(f)* of the Registration of Engineers Act 1967 [*Act 138*], the Board of Engineers Malaysia (the Board) hereby determines that:

> ECPs are exempted from applying for Business Premise License from Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) as stipulated under section 102(s) of the Local Government Act 1976 (Act 171).

This is pursuant to the decision of the meeting "Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan" (MKNT) No.27 (a copy of which is attached in Appendix A) held on 4th December 1982.

A more recent circular from Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan to all relevant PBTs reference no JKT.D(S)100-3/6Jld20 (32) dated 30th September 2020 (a copy of which is also attached in Appendix B) relating to the same matter is also referred.

[Board Meeting 349th / 24th June, 2022]

**DATUK Ir. HAJI MOHAMAD ZULKEFLY BIN SULAIMAN**
President
BOARD OF ENGINEERS MALAYSIA

MINIT MESYUARAT MAJLIS NEGARA BAGI KERAJAAN TEMPATAN YANG KE-27

Tempat : Bilik Gerakan, Tingkat 16,
Blok 9, Khazanah Malaysia,
Jalan Duta, Kuala Lumpur.

Tarikh/Masa : 4hb. Disember, 1982, jam 9.30 pagi.

4. PERBINCANGAN KERTAS KERJA

4.1 Kertas MNKT Bil. 1/82 - Pengecualian Perlesenan Golongan Profesional Di bawah Seksyen 102(2) Akta Kerajaan Tempatan, 1976

4.1.1 Y.B. Dato' Pengerusi memberitahu bahawa seksyen 102(s), Akta Kerajaan Tempatan, 1976 membolehkan setiap Penguasa Tempatan melesenkan apa-apa tred, perniagaan, perindustrian, profesion atau pekerjaan. Akibat daripada rayuan yang telah dibuat oleh beberapa golongan profesion pihak Jabatan Peguam Negara telah mencadangkan bahawa seksyen 102(s), Akta Kerajaan Tempatan, 1976 harus digantikan dengan satu seksyen yang baru seperti perenggan 1.1 Kertas Kerja ini. Cadangan Jabatan Peguam Negara akan menyelaraskan peruntukan dalam Akta Kerajaan Tempatan, 1976 yang terlibat dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan. Pindaan yang telah dicadangkan oleh Jabatan Peguam Negara telah dikemukakan kepada Jemaah Menteri dan Jemaah Menteri telah menerima cadangan tersebut.

4.1.2 Oleh yang demikian tindakan hendaklah diambil oleh semua Penguasa Tempatan untuk mengecualikan semua badan profesion yang pada masa ini dikawal oleh Akta-Akta masing-masing dari dikenakan lesen oleh pihak Penguasa Tempatan. Di samping itu tindakan harus diambil untuk mengkaji semua undang-undang kecil perlesenan untuk menyelaraskan undang-undang kecil di bawah seksyen 102(s), Akta Kerajaan Tempatan, 1976 yang telah dicadangkan. Jangka masa untuk tindakan-tindakan yang diperlukan adalah singkat oleh kerana pindaan yang telah dicadangkan harus dibentangkan dalam Parlimen dalam sidangnya yang akan bermula pada bulan Mac, 1983. Y.B. Dato' Pengerusi menegaskan bahawa yuran-yuran lesen yang telah dikutip tidak harus dibayar balik kepada golongan-golongan profesion yang terlibat.

**APPENDIX B**

**JABATAN KERAJAAN TEMPATAN**
**KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**
Aras 25-29, No.51, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Telefon : 603-8891 5000
Faksimile : 603-8891 3090
Laman Web : http://jkt.kpkt.gov.my

Rujukan kami : JKT.D (S) 100-3/6 Jld.20 (32)
Tarikh : 30 September 2020

**SEMUA PIHAK BERKUASA TEMPATAN**
(Senarai edaran seperti pada Lampiran)

YBhg. Datuk/ Dato'/ Dr./ Tuan/ Puan,

**PEMAKLUMAN MENGENAI PENGECUALIAN PERLESENAN GOLONGAN PROFESIONAL DI BAWAH SEKSYEN 102(s) AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976 [AKTA 171]**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Datuk/ Dato'/ Dr./ Tuan/ Puan, Mesyuarat Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan Ke-27 (MNKT Ke-27) pada 4 Disember 1982 telah memutuskan supaya golongan profesional yang dikawal di bawah akta masing-masing seperti arkitek, jurutera, peguam, doktor, juruukur tanah dan perancang dikecualikan daripada pelesenan premis di bawah Seksyen 102(s) Akta 171. Namun begitu, Jabatan ini menerima aduan daripada badan profesional yang memaklumkan bahawa masih terdapat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang mengenakan lesen premis kepada golongan profesional.

3. Sehubungan dengan itu, kerjasama YBhg. Datuk/ Dato'/ Dr./ Tuan/ Puan dimohon untuk mematuhi keputusan Mesyuarat MNKT Ke-27 tersebut yang masih terpakai sehingga kini.

4. Kerjasama dan perhatian YBhg. Datuk/ Dato'/ Dr./ Tuan/ Pua berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapa terima kasih.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(MOHAMMAD RIDZWAN BIN ABIDIN)**
b.p. Ketua Pengarah
Jabatan Kerajaan Tempatan
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

s.k.:

1. YBhg. Datuk KSU/KPKT

2. YBhg. Datuk Ketua Setiausaha
   Kementerian Wilayah Persekutuan

3. Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

4. YBhg. Dato' KP/JKT